



# MANHAJ PENULISAN HADITH DALAM FIQH AL-SUNNAH OLEH SAYYID SABIQ

(Methodology of Hadith Writing in Fiqh al-Sunnah by Sayyid Sabiq)

Mohamad Ehsan Sebri<sup>1</sup>, Roshimah Shamsudin<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

## Abstract

The fame achieved by Sayyid Sabiq as a renowned Muslim scholar is undisputed. However, he is not spared from criticism. In his work entitled *Fiqh al-Sunnah*, he is said to have no method in applying hadith to substantiate rules that it entails several contradictions against the aspects affecting the disciplines of hadith. This study therefore intends to investigate the method of hadith writing by Sayyid Sabiq in *Fiqh al-Sunnah*. To achieve the purpose, qualitative research is conducted through the content analysis method in examining textual contents in *Fiqh al-Sunnah*. The study finds that Sayyid Sabiq does have his own method in the writing of hadith. Among the approaches he employs is shortening the chain of transmitters, clarifying the status of some hadith and providing comments on the hadith transmitters. Further, this study discovers that the hadiths of which status he does not clarify come under criticism by the scholars who evaluate the same as weak hadith. The criticism however does not impair his credibility as a figure who contributes in elevating hadith as a primary reference in the discourse of fiqh.

**Kata Kunci:** Method of writing hadith, Fiqh al-Sunnah, Sayyid Sabiq, contribution, criticism.

## Article Progress

Received: 14 October 2022

Revised: 29 October 2022

Accepted: 29 November 2022

\*Corresponding Author:  
Roshimah Shamsudin.

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia

Email:  
[roshimah@usm.my](mailto:roshimah@usm.my)

## PENDAHULUAN

Ketokohan Sayyid Sabiq sebagai salah seorang sarjana Islam terkemuka tidak dapat disangkal lagi. Beliau telah mencipta nama sebagai tokoh yang telah memberi sumbangan besar kepada dunia Islam khususnya melalui penghasilan karyanya *Fiqh al-Sunnah* yang telah tersebar ke seluruh pelosok dunia Islam termasuklah di Nusantara. Kemunculan beliau telah membuka mata umat Islam untuk melihat aspek yang berkaitan dengan fiqh dengan spektrum yang lebih besar iaitu dengan bersandarkan hadith-hadith Nabi SAW secara meluas dan tidak terikat dengan sesuatu pendapat mazhab sahaja (Abdul Aziz Dahlan, 2006). Walaupun terdapat beberapa kritikan oleh ilmuan yang sezaman dengannya dari sudut kewibawaan dan manhaj penulisan, namun penghasilan karya *Fiqh al-Sunnah* dilihat telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam percambahan ilmu khususnya tradisi keilmuan Islam.

Justeru, artikel ini mengetengahkan perbincangan utama yang berlegar sekitar manhaj penulisan hadith dalam *Fiqh al-Sunnah* karangan Sayyid Sabiq. Selain itu, perbincangan mengenai latar belakang Sayyid Sabiq, pendidikan beliau dan latar belakang *Fiqh al-Sunnah* turut disentuh.

## LATAR BELAKANG SAYYID SABIQ SECARA RINGKAS

Nama penuh beliau sebagaimana yang dikemukakan dalam beberapa penulisan ialah Sayyid Sabiq Muhammad al-Tihāmī (Mohamad Khafid, 2010). Nisbah Tihāmī adalah merujuk kepada daerah asal keturunan keluarganya. Meskipun dinisbahkan kepada al-Tihāmī, beliau lebih dikenali dengan nama Sayyid Sabiq (Juliana, 2021).

Penelitian mendapati ayahnya bernama Sabiq bin Muīammad dan ibunya bernama Husna ‘Aliy Azeb yang bermazhab Shafi‘i (Abdul Aziz Dahlan, 2006). Salasilah keluarga Sayyid Sabiq juga didapati berhubung dengan khalifah ‘Uthmān al-‘Affān iaitu sahabat Rasulullah SAW (Abdul Aziz Dahlan, 1961). Ini bermakna, nama Sayyid Sabiq yang menjadi sebutan dalam kalangan masyarakat Islam pada peringkat global merupakan nama asal beliau dan ayahnya. Nama inilah yang diabadikan dalam karyakaryanya yang telah tersebar ke seluruh pelosok dunia Islam.

Dari segi kelahiran, Sayyid Sabiq dilahirkan dalam bulan Januari tahun 1915 M bersamaan 1335 H di kampung Istinha dalam daerah al-Bajur wilayah al-Manufiyah, Mesir (Abdullah ‘Aqil, 2009). Secara lebih spesifik, Istinha yang merupakan kampung asal Sayyid Sabiq didiami oleh penduduk yang kebanyakannya mengikuti mazhab Shafi‘i khususnya dalam aspek hukum (Abdullah ‘Aqil, 2009). Dari sudut kedudukan wilayah kelahiran Sayyid Sabiq pula, al-Manufiyah berada di utara kota Kaherah, Mesir. Menurut Abu Hanifah Haris (2014), Kaherah merupakan kota ilmu dan pusat kegiatan intelektual khususnya pada abad ke-19. Kedudukan Kaherah sebagai pusat ilmu dan peradaban Islam terkemuka yang merupakan asal tempat kelahiran Sayyid Sabiq sedikit sebanyak memberi kesan terhadap kehidupannya khususnya dari sudut pembentukan ilmunya.

Justeru, tempat kelahiran Sayyid Sabiq yang merupakan kota ilmu telah meletakkan beliau dalam suasana intelektual yang pesat berkembang, sekaligus turut menyumbang dalam mencorakkan hala tuju dirinya sebagai salah seorang sarjana yang telah memberikan sumbangan yang signifikan dalam memperkaya tradisi keilmuan Islam.

## LATAR BELAKANG PENDIDIKAN SAYYID SABIQ

Sejak dari kecil lagi bakat Sayyid Sabiq adalah lebih menyerlah berbanding dengan rakan-rakannya dalam aspek yang berkaitan dengan kesungguhan menuntut ilmu, kecerdikan dan akhlak yang luhur. Bertitik tolak daripada bakat yang begitu menonjol, beliau disifatkan juga sebagai seorang pemuda yang mempunyai cita-cita yang besar (Abdul Aziz Dahlān, 1961). Pendek kata, beliau mempunyai harapan yang tinggi untuk memikul tanggung jawab yang besar dalam erti kata sentiasa berusaha untuk terus menimba ilmu bagi memperkuatkannya dirinya menjadi seorang ulama yang berwibawa.

Sayyid Sabiq mendapat pendidikan awal di institusi yang dipanggil sebagai *al-Kuttāb* iaitu tempat belajar pada peringkat pertama bagi ilmu tajwid, menulis, membaca dan menghafaz al-Quran. Ketika usia yang masih kecil lagi iaitu sekitar tahun 10 tahun, beliau telah berjaya menamatkan hafazan 30 juzuk al-Quran dengan sempurna (Abdullah ‘Aqil, 2009). Ini menunjukkan bahawa beliau telah mendapat pendidikan atas semenjak kecil lagi.

Pengajian Sayyid Sabiq pada peringkat *ibtidā’iyyah* telah berjaya ditamatkan pada tahun 1939 yang mengambil masa selama lima tahun dan diikuti dengan pengajian berikutnya pada peringkat *thanawīyyah* iaitu peringkat menengah. Kesungguhan untuk terus menuntut ilmu pada peringkat yang lebih tinggi kemudiannya diteruskan dengan menyambung pengajian pada peringkat ijazah dalam bidang syariah di Universiti al-Azhar Mesir selama empat tahun. Proses pembelajaran tidak terhenti dengan pengajian pada peringkat ijazah sahaja, malah beliau terus mengorak langkah untuk memperoleh ijazah ‘*aliyyah* dan berjaya diselesaikan pada tahun 1945 (Bam Bang Supradi, 2021). Ini memperlihatkan usahanya yang berkesinambungan dalam menuntut ilmu.

Dalam konteks guru Sayyid Sabiq, beberapa nama tokoh besar dicatatkan. Antaranya ialah Syeikh Mahmūd Syal, Syeikh Tahir al-Dināri, Syeikh Muhammad Abū Zahrah dan Syeikh ‘Abdul Jalil ‘Isa. Mereka ini merupakan insan yang terkenal sebagai ulama besar di al-Azhar pada ketika itu. Sayyid Sabiq juga berkesempatan menuntut ilmu dengan Syeikh Mahmud Khaṭṭāb yang merupakan pengasas *al-Jam‘iyyah al-Syar‘iyyah li al-Āmilīn fi al-Kitab wa al-Sunnah* (Abdullah Aqil, 2009). Syeikh Mahmud Syalṭūn adalah salah seorang guru beliau yang hebat dan dikagumi dari sudut keilmuan, kesolehan, dan kefaqihah dalam fiqh dan tafsir al-Quran. Ini diperakui oleh al-Adib Ahmad Hasan Alayāt dalam majalah *al-Azhār* (Erman Ghani, 2013). Selain itu, beliau juga turut berguru dengan Syeikh Muhammad Abū Zahrah yang merupakan salah seorang yang faqih dalam bidang fiqh perbandingan dan merupakan salah seorang pensyarah di Universiti al-Azhar Mesir. Oleh itu, Abu Zahrah merupakan antara guru yang disifatkan turut mencorakkan pemikiran Sayyid Sabiq (Muhammad Badrun & Mustaffa Abdullah, 2017). Ini menunjukkan guru-guru beliau merupakan tokoh-tokoh berwibawa dalam bidang kepakaran masing-masing.

Manakala dari segi pegangan mazhab, kecenderungan keluarga Sayyid Sabiq didapati lebih kepada mazhab Shāfi‘ī dalam bab hukum namun di Universiti al-Azhar kebanyakannya pensyarah dilihat agak terbuka dalam perbahasan mazhab. Ini dapat dilihat daripada kitab-kitab rujukan, kuliah-kuliah ilmu

dan syarahan pensyarah menjurus ke arah analisis dan perbincangan secara ilmiah. Justeru, beliau dapat merasai perkembangan ilmu khususnya dalam memahami fiqh ketika menuntut di al-Azhar bahkan rentas mazhab ketika berada dalam dunia akademik (Abdul Azis Dahlan, 2006).

Hasil daripada mempelajari dan mendalami khususnya dalam bidang syariah, dunia akademik memberi pendedahan yang luas kepada Sayyid Sabiq untuk berbahas, menganalisis dan memilih pandangan yang lebih dekat dengan al-Quran dan Sunnah. Salah satu pendekatan Sayyid Sabiq dalam penulisan yang mewakili pemikirannya ialah beliau menolak keterikatan terhadap sesuatu mazhab dan beliau sedaya upaya berusaha untuk mengambil hujah dengan menggunakan al-Quran, Sunnah dan ijmak tanpa fanatik terhadap sesuatu mazhab tertentu sahaja (Haryono S Yusuf, 1981). Inilah yang disebutkan sebagai suatu pendekatan yang sinonim dengan Sayyid Sabiq dari segi fikrahnya.

Kehidupan dunia akademiknya tidak tertumpu dengan hanya belajar di universiti sahaja, malah beliau turut memantapkan diri dengan aspek yang dapat menguatkan kerohanian seperti melazimi puasa sunat selain menghiaskan diri dengan akhlak yang terpuji di samping mempunyai ketajaman akal. Beliau turut melibatkan diri dengan jamaah *al-Ikhwān al-Muslimīn* supaya darah mujahidin bersemarak dalam dirinya. Di samping itu, beliau juga melibatkan diri secara aktif dalam pembentangan kertas-kertas ilmiah pada peringkat universiti dan antarabangsa yang dihadiri oleh ramai pelajar dari seluruh dunia. Malah para pengkaji agama turut mengambil manfaat daripada ilmunya (Abdullah Aqil, 2009).

Rumusannya, Sayyid Sabiq mempunyai kewibawaan ilmu dari sudut pendidikan yang diperolehi olehnya dan beliau telah melalui fasa pengajian yang berkesinambungan yang didapati telah membentuk gagasan pemikirannya dalam dunia keilmuan Islam.

### **SUMBANGAN ILMU SAYYID SABIQ DALAM *AL-IKHWĀN AL-MUSLIMĪN***

Sayyid Sabiq didapati mempunyai pertalian dengan Hasan al-Bannā yang merupakan pengasas bagi Jamaah *al-Ikhwān al-Muslimīn* sekitar tahun 1930 an iaitu ketika berumur 19 tahun (Abdul Rahim, 2020). Pertalian ini dapat dilihat ketika Hasan al-Bannā mendekati Sayyid Sabiq untuk menjadikan beliau sebagai tenaga pengajar khusus dalam bidang fiqh untuk membentuk pemuda-pemuda *al-Ikhwān* pada ketika itu. Rentetan itu, beliau menjadi rujukan dalam permasalahan berkaitan syariah. Selain itu, beliau turut diberikan beberapa tugas oleh Hasan al-Bannā, antaranya adalah memberikan semangat kepada seluruh ahli *al-Ikhwān al-Muslimīn*, menyampaikan pengisian ilmu dalam slot-slot usrah, perkhemahan, kursus di samping menjadi khatib kepada Jamaah *al-Ikhwān al-Muslimīn* (Abdullah Aqil, 2009). Justeru, peranan dan sumbangan Sayyid Sabiq terhadap hala tuju *al-Ikhwān al-Muslimīn* tidak dapat dinafikan lagi hasil daripada didikan daripada Hasan al-Bannā.

Penglibatan Sayyid Sabiq dalam *al-Ikhwān al-Muslimīn* turut merangkumi aspek yang berkaitan dalam bidang ketenteraan yang merupakan cabang dalam *al-Ikhwān al-Muslimīn* (Abdul Rahim, 2020). Lebih jauh lagi, beliau juga telah melibatkan dirinya dengan anggota mujahidin untuk mempertahankan pembebasan bumi Palestin daripada cengkaman Yahudi pada tahun 1948. Menurut Idri Saffa (2011), penglibatan Sayyid Sabiq dalam jihad di Palestin telah membuka mata dunia bahawa perjuangan Islam bukan sekadar di medan ilmu sahaja bahkan ia perlu dibuktikan dengan roh jihad supaya Islam dibela dan diperjuangkan. Dalam hal ini juga, Islam telah memberi garis panduan tentang jihad yang sebenar iaitu jihad dalam erti kata membebaskan diri dari cengkaman musuh dan mempertahankan hak daripada dicerobohi.

Curahan bakti Sayyid Sabiq terhadap *al-Ikhwān al-Muslimīn* juga dapat dilihat dalam aspek yang berkaitan dengan dunia penulisan apabila turut mengarang dalam ruangan majalah jamaah tersebut. Antara artikel beliau yang dimuatkan dalam majalah tersebut adalah perbahasan yang berkaitan dengan permasalahan hukum fiqh iaitu *al-tahārah*. Dalam hal ini, beliau merujuk kepada beberapa karya penting yang berkaitan hadith hukum seperti kitab *Subul al-Salām* karangan al-Şan‘āni, *Syarh Bulugh al-Marām* oleh Ibn Hajar al-‘Asqalāni, *Nayl al-Auṭār* oleh al-Syaukāni dan kitab *Muntaqa’ al-Akhyaṛ min al-Hādīth Sayyid al-Akhyaṛ* oleh Ibn Taimiyah (Abdullah Aqil, 2002). Penulisan tersebut telah membuka mata Hasan al-Bannā mengenai ketokohan beliau lantas dianjurkan untuk terus menghasilkan karya fiqh berteraskan al-Quran dan Sunnah.

Pada peringkat yang seterusnya iaitu ketika zaman Jamal Abdul Naṣir menjadi presiden Mesir, Sayyid Sabiq cuba mendekatinya dengan beranggapan Jamal Abdul Naṣir merupakan seorang anggota *al-Ikhwān* yang bersumpah dengan al-Quran untuk melaksanakan tuntutan *al-Ikhwān*. Namun kemudiannya berlaku salah faham antara Sayyid Sabiq dan Jamal Abdul Naṣir yang mengakibatkan hubungan antara Jamaah *al-Ikhwān al-Muslimīn* dengan Sayyid Sabiq menjadi sedikit renggang (Abdul Rahim, 2020).

Sayyid Sabiq turut melakukan beberapa siri kembara ilmu untuk menyampaikan seruan dakwah ketika terlibat dengan *al-Ikhwān al-Muslimīn*. Antara negara yang dilawati oleh beliau ialah Indonesia, United Kingdom, negara-negara bekas Kesatuan Soviet Union dan seluruh negara Arab. Kehadiran beliau dalam pengembalaan dakwah tersebut didapati memberi kesan yang mendalam kepada masyarakat Islam di negara-negara yang telah diziarahi olehnya (Dwi Febriani, 2011).

## KARYA-KARYA SAYYID SABIQ

Penulisan Sayyid Sabiq boleh dikategorikan sebagai rentas bidang. Ini bermakna bahawa Sayyid Sabiq adalah seorang ulama yang menulis bukan hanya dalam bidang hadith saja bahkan mencakupi bidang lain seperti fiqh, akidah, dakwah dan selainnya. Penulisan karya-karya Sayyid Sabiq ini dihasilkan ketika jatuh bangunnya menempuh liku-liku ujian di sepanjang kehidupannya. Sekitar tahun 1946 beliau mula berjinak dalam dunia karya penulisan khususnya dalam majalah-majalah yang diterbitkan oleh Jamaah *al-Ikhwān al-Muslimīn* sehingga membahaskan satu perbincangan dalam bidang *fiqh al-hadīth* yang bertajuk bersuci dan tajuk itu menjadi titik tolak kepada penulisan kitab *Fiqh al-Sunnah* (*Ikhwān al-Muslimīn*, 2020).

Seterusnya, pada tahun 1948 beliau telah terlibat dalam peperangan melawan penjajah Israel dan telah dipenjarakan sekitar tahun 1949 sehingga 1950. Ujian yang diterima, sebenarnya memberikan kekuatan kepada beliau untuk terus kuat dan menulis beberapa kitab berkaitan dakwah dan jihad (Abdul Rahim Ali, 2020). Setelah dibebaskan sekitar tahun 1950, beliau meneruskan pengajiannya secara tidak formal di al-Azhar dan dilantik menjadi salah seorang wakil dalam Kementerian Wakaf Mesir pada tahun 1951. Pada tahun 1964, beliau berpindah ke Yaman dan seterusnya ke negara Saudi. Pengembalaan dakwahnya didapati telah memberi kesan dalam menghasilkan karya penulisannya (*Ikhwān al-Muslimīn*, 2020). Antara karya penulisan beliau yang masyhur adalah seperti berikut:

1. *Fiqh al-Sunnah*.
2. *Al-'Aqā'id al-Islāmiyyah*.
3. *Maṣādir al-Quwwah fi al-Islām*.
4. *Risālah fi al-Hajj*
5. *Risālah fi al-Qiyām*.
6. *Islāmunā*.
7. *Riba wa al-Bādil*.
8. *Taqālid wa 'Adat Yajib al-Tazul fi al-Afrah wa al-Munāsabat*.
9. *Taqalid wa 'Adat Yājib al-Tazul al-Matam* (Juliana, 2021).

Penelitian mendapati kecenderungan penulisan karya Sayyid Sabiq adalah lebih menjurus ke arah bidang fiqh, pemikiran Islam dan pembentukan akidah yang sebenar. Karya-karya yang ditinggalkan olehnya kepada dunia Islam juga telah memberi kebaikan yang banyak terhadap perkembangan dakwah dan ilmu. Ini pernah diungkapkan oleh Mustafā Masyhur iaitu Mursyīd al-'Am Jamaah *al-Ikhwān al-Muslimīn* seperti berikut:

إن الشيخ سيد سابق له مكانته بين الإخوان المسلمين، ومؤلفاته أثّرت في الإخوان وأثرّتهم وأفادتّهم وخاصةً مؤلفه (فقه السنة) الذي كان - ولا يزال - من المصادر التي يرجع إليها الإخوان، وله أثر طيّب في تربية وتكوين ثقافة الإخوان الفقهية؛ حيث إن الإمام الشهيد حسن البنا قد اعتمد هذا الكتاب واعتبره مرجعاً من مراجع السنة

“Syeikh adalah bekas pimpinan Jamaah al-Ikhwān al-Muslimīn, penulisannya banyak mempengaruhi Jamaah al-Ikhwān dan memberi manfaat kepada mereka terutamanya beliau menulis Fiqh al-Sunnah yang merupakan sumber rujukan oleh al-Ikhwān al-Muslimīn dan menjadikannya sebagai pembentukan kepada pendidikan dan budaya al-Ikhwān. Ketika Syahidnya Hasan al-Bannā beliau telah menulis komentar terhadap karyannya bahawa ia adalah rujukan dalam mengembalikan kepada al-Sunnah” (Juliana, 2021).

Kenyataan ini menunjukkan tokoh gerakan dakwah iaitu Hasan al-Bannā mengiktiraf keilmuan yang dimiliki oleh Sayyid Sabiq dengan memberikan komentar terhadap karyanya yang menjadi rujukan dalam mengajak masyarakat Islam agar kembali kepada Sunnah.

Kesimpulannya, karya-karyanya telah tersebar ke seluruh pelosok dunia Islam dan telah diterjemahkan ke dalam pelbagai bahasa antaranya bahasa Melayu, Indonesia, India, Pakistan dan sebagainya (Zulfikar, 2013). Khazanah ilmu peninggalannya telah memberikan sumbangan besar dalam dunia keilmuan Islam.

## LATAR BELAKANG FIQH AL-SUNNAH

Penghasilan karya *Fiqh al-Sunnah* dilihat mempunyai pertalian yang erat dengan kedudukan Sunnah itu sendiri iaitu sebagai sumber rujukan utama selepas al-Quran. Kedua-duanya merupakan sumber rujukan yang sangat penting dalam penetapan syariat Islam. Secara lebih spesifik, Sunnah juga berfungsi untuk menerangkan apa-apa yang terkandung dalam ayat-ayat al-Quran sama ada dari sudut *bayān al-ta'kid*, *bayan al-tafsīr* dan *bayān al-tasyri* (Rachmat Shafe'i, 2007). Dalam hal ini, terdapat firman Allah yang menyebut tentang peranan Sunnah dalam menjelaskan apa-apa yang tersirat dalam ayat-ayat al-Quran, iaitu seperti berikut:

﴿فَآمِنُوا بِاللَّهِ وَرَسُولِهِ النَّبِيِّ الْأَمِينِ الَّذِي يُؤْمِنُ بِاللَّهِ وَكَلِمَاتِهِ وَاتَّبِعُوهُ لَعَلَّكُمْ هَتَّدُونَ﴾

“Oleh itu, berimanlah kamu kepada Allah dan Rasul-Nya. Nabi yang ummi yang beriman kepada Allah dan kalimah-kalimah-Nya (kitab-kitab-Nya) dan ikutilah dia (Rasulullah SAW) supaya kamu beroleh hidayah petunjuk.”

Ketika menafsirkan ayat di atas, al-Tabari menyatakan bahawa ayat tersebut menunjukkan peranan yang dimainkan oleh Sunnah dalam menjelaskan apa-apa yang terkandung dalam al-Quran. Beliau selanjutnya menyebut “likai tahtadū fatusyidū wa tusību al-Haq fi ittiba 'ikum iyyah” iaitu peranannya dalam memberi petunjuk, panduan dan membawa ke arah kebenaran dalam mengikutinya (Al-Tabari, 2014). Selaras dengan itu, penghasilan karya *Fiqh al-Sunnah* dilihat telah mengangkat kembali perbahasan berkaitan fiqh dalam syariah Islam yang perlu berteraskan dalil yang sah, tidak terlalu fanatik bahkan ia membuka pintu ijtihad yang baharu apabila melihat dalam konteks masa kini. Sayyid Sabiq menekankan aspek kemampuan bagi sesiapa yang mampu berijtihad dan bersumberkan dalil tanpa terikat dengan mazhab tertentu sahaja (Sayyid Sabiq, 1988). Justeru, karya *Fiqh al-Sunnah* boleh dikategorikan sebagai himpunan dalil-dalil khusus dalam menjelaskan pensyariatan yang terdapat dalam al-Quran. Karya ini adalah salah satu rujukan dalam mengeluarkan hukum khususnya berkaitan *fiqh al-hadīth* (Muhammad Nur Husen, 2018).

Dari segi penerbitan, karya *Fiqh al-Sunnah* telah diterbitkan sebanyak empat jilid berdasarkan cetakan Dar al-Fath ‘Ilām al-‘Arabī dan cetakan Dār Kutub al-‘Arabī di Kaherah. Karya ini mendapat sambutan yang hebat setelah muncul beberapa bab yang awal iaitu bab bersuci dan solat. Berikutan itu, terdapat beberapa buah negara Islam yang mengangkat karya ini dengan menjadikannya sebagai silibus dalam

pendidikan mereka, antaranya seperti di Indonesia iaitu Institut Agama Islam Negeri (IAIN) dan Perguruan Tinggi Agama Islam Swasta (PTAIS). Karya ini juga menjadi sebahagian daripada rujukan Fatwa dan Hukum Majlis Ulama Indonesia (Abdul Azis Dahlan, 2006). Perkara ini memberi indikasi bahawa *Fiqh al-Sunnah* mempunyai pengaruh tersendiri khususnya di Indonesia.

## LATAR BELAKANG PENULISAN *FIQH AL-SUNNAH*

Karya ini muncul ketika saat ketaksuban dan kefahaman fiqh yang sempit. Ia dilihat seperti tiada ruang perbezaan dalam sesuatu pendapat khususnya dalam bidang fiqh (Sulaiman Ahmad Yahya, 2009). Dari sudut sejarahnya, fenomena perbezaan pendapat dalam perkara cabang fiqh dan hadith banyak berlaku dalam kalangan para ulama Islam seperti membahaskan berkaitan cabang-cabang dalam hukum dan ijtihad para ulama. Situasi seumpama ini telah pun berlaku semenjak zaman Rasulullah SAW sehingga ke zaman mutakhir ini. Sayyid Sabiq melihat perbezaan pendapat ini sebenarnya merupakan khazanah ilmiah milik umat Islam yang tidak ternilai harganya. Ia tidak wajar dianggap sebagai punca perpecahan dalam kalangan ummah. Malah sikap saling hormat dan semangat toleransi antara satu sama lain adalah tunjang bagi kekuatan umat Islam. Menurut al-Qarađāwi, perbezaan pendapat dalam kalangan ulama pada asasnya adalah satu *dariūrī* yang wajib diterima oleh umat Islam dan bukanlah perkara yang boleh disempit dan dijumudkan (Malā'ikah, 1999).

Keadaan pemikiran dan akhlak masyarakat Mesir pada ketika itu adalah sangat membimbangkan. Ini kerana pengaruh British masih menebal sehingga menjadi racun kepada pemikiran masyarakat Mesir. Ia telah memberi kesan dari sudut jauhnya masyarakat daripada keaslian ajaran Islam dan terpengaruh dengan pemikiran Barat (Hasan al-Bannā, 1949). Terdapat gerakan yang cuba memisahkan antara agama dan kerajaan yang juga disebut sebagai gerakan sekularisme yang telah memberi kesan terhadap pemikiran masyarakat Mesir (Bayyuni, 1991). Begitu juga hal keadaan masyarakat Mesir pada ketika itu yang berhadapan dengan kewujudan pusat-pusat hiburan, perjudian, tempat-tempat nyanyian dan tarian yang dianggap sebagai keperluan untuk melengkapkan diri dengan cara hidup moden (Agus Hakim, 1984). Hal ini telah menggerakkan usaha penulisan karya *Fiqh al-Sunnah* dalam upaya membersih dan mengembalikan masyarakat kepada agama Islam yang sahih.

Karya *Fiqh al-Sunnah* adalah antara karya Sayyid Sabiq yang memberi gambaran jelas mengenai pemikirannya. Penulisan kitab *Fiqh al-Sunnah* dapat dibahagikan kepada dua bahagian. Bagi bahagian pertama, ia melibatkan penulisan bab pertama oleh Sayyid Sabiq dan diterbitkan pada tahun 1940-an. Pada peringkat awal, ia hanya berbentuk risalah kecil dan membincangkan bab taharah sahaja. Pendekatan ini dilihat memudahkan penyampaian hukum fiqh supaya masyarakat Islam tidak merasai bahawa agama ini berat disebabkan oleh fiqh yang tidak dikembalikan kepada nas yang sahih dan betul (Sulaiman Ahmad Yahya, 2009). Usaha ini mendapat perhatian dan pujian daripada Hasan al-Bannā lalu diberikan sokongan terhadap Sayyid Sabiq dari segi manhaj dalam penulisannya dengan menulis kata pengantar dalam kitab *Fiqh al-Sunnah* (Sayyid Sabiq, 2000). Berikutnya, usaha ini diteruskan sehingga terhasilnya jilid pertama yang menghimpunkan bab taharah dan solat-solat wajib serta sunat (Akmal Abdul Unir, 2020).

Peringkat kedua pula merupakan lanjutan daripada penulisan jilid pertama yang merangkumi bab pertama dan kedua. Beliau kemudiannya menulis sehingga bab yang keempat belas. Secara keseluruhannya, kitab ini terdiri daripada tiga jilid. Dalam jilid kedua, perbahasan berkisar tentang permasalahan zakat, puasa, jenazah, haji, sehingga kepada permasalahan berkaitan pernikahan. Beliau kemudiannya meneruskan penulisan jilid ketiga yang difokuskan juga kepada bab pernikahan dan penetapan hukuman. Seterusnya jilid yang keempat pula membincangkan tentang jihad, perang, *jizyah*, *ghanīmah*, *kaffārah* sumpah, hukum jual beli, riba, pinjaman, gadai, *mudārabah* dan hutang (Akmal Abdul Unir, 2020). Jelas bahawa perbincangannya meliputi banyak permasalahan yang berkaitan dengan pelbagai tajuk dalam bidang fiqh.

Dari segi tempoh penulisan, penghasilan karya ini mengambil masa selama 20 tahun. Cetakan pertama bagi karya ini adalah daripada *Dar al-Fath li al-'Ilam al-'Arabi* di Kaherah Mesir. Namun terdapat ulangan cetakan beberapa kali selain turut dicetak juga oleh syarikat-syarikat yang lain seperti *Dar al-Fikr*, *Dar al-Fath li al-'Ilam al-'Alāmi* dan lain-lain. Dari sudut terjemahan karya ini khususnya di

Malaysia, cetakan yang dijumpai oleh pengkaji dan diiktiraf oleh *Dar al-Fath li al-I'lām al-'Arabi* ialah al-Hidayah Publishers Kuala Lumpur pada tahun 2007 (Johari al-Yamani, 2009).

Pujian dan kritikan terhadap karya ini telah menyebabkannya terus mendapat tempat sehingga kini. Antara pujian yang diberikan terhadapnya terdapat dalam ungkapan Yusuf al-Qaradāwi yang merupakan anak murid Sayyid Sabiq iaitu “*Kitab Fiqh al-Sunnah merupakan karya terbesar Syeikh Sayyid Sabiq yang disambut baik oleh Hasan al-Bannā sehingga beliau menulis kata-kata pengantar sebagai tanda sokongannya*” (Abdullah Aqil, 2009). Justeru, sejarah penulisan *Fiqh al-Sunnah* memperlihatkan bahawa ia telah melalui suatu fasa yang panjang selain mempunyai motif penulisan sehingga diolah dengan tema dan metodologi yang tersendiri.

## MANHAJ PENULISAN HADITH DALAM FIQH AL-SUNNAH

Dalam penulisan karya *Fiqh al-Sunnah*, hadith dijadikan sebagai sumber pendalilan yang kedua selepas al-Quran. Hadith-hadith dibawakan sebagai menyokong dalam menafsirkan ayat-ayat al-Quran yang dibawakan terlebih dahulu. Pendekatan membawakan ayat al-Quran sebagai dalil utama dalam membincangkan sesuatu perkara yang disokong kemudiannya oleh hadith sebagai sumber pendalilan kedua memberi indikasi wujudnya manhaj Sayyid Sabiq dalam penulisannya secara berdisiplin. Dalam penulisan hadith, Sayyid Sabiq didapati mengemukakan pelbagai kaedah, iaitu seperti berikut:

- a) Memendekkan sanad hadith.

Kebiasaannya penulis-penulis kitab hadith memang mengambil pendekatan memendekkan sanad hadith bahkan tidak menulis sanad atas alasan untuk memudahkan pembaca dan terus memahami *fiqh al-hadīth* tersebut dengan hanya menyebut perawi *a'la* (Umma Farida, 2011). Kaedah ini juga turut diperaktikkan oleh Sayyid Sabiq dalam penulisannya. Contohnya dapat dilihat pada hadith dalam bab *Qiyam* Ramadan seperti berikut (Sayyid Sabiq, 2012):

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، قَالَ: كَانَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُرِغِّبُ فِي قِيَامِ رَمَضَانَ مِنْ غَيْرِ أَنْ يَأْمُرُهُمْ  
فِيهِ بِعَزِيزٍ، فَيَقُولُ: مَنْ قَامَ رَمَضَانَ إِيمَانًا وَاحْتِسَابًا عُفِرَ لَهُ مَا تَقَدَّمَ مِنْ ذَنِبِهِ

Rasulullah SAW memberi semangat kepada orang-orang untuk melaksanakan *qiyyām* ramadān, walaupun baginda tidak memerintahkannya dengan tegas. Baginda bersabda: “Orang yang solat tarawih kerana iman dan mengharap pahala, akan diampuni dosa-dosanya yang telah lalu”. [Al-Bukhāri, 2001]

Bagi hadith di atas, Sayyid Sabiq (2012) hanya menyebut perawi dalam kalangan sahabat sahaja dan tidak menyenaraikan perawi-perawi yang lain. Terdapat juga hadith yang dinyatakan dan terus membawa matan tanpa menyebut nama sahabat. Beliau hanya menyebut muhaddith terakhir hadith tersebut seperti al-Bukhāri, Muslim dan sebagainya. Antara contohnya adalah seperti berikut:

أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: «وَالَّذِي نَفْسِي بِيَدِهِ لَقَدْ هَمَتْ أَنْ آمَرَ بِخَطْبٍ، فَيُخْطَبَ، ثُمَّ آمَرَ بِالصَّلَاةِ،  
فَيُؤَدَّنَ لَهَا، ثُمَّ آمَرَ رَجُلًا فَيَقُولُ النَّاسَ، ثُمَّ أَخْالِفَ إِلَيْ رِجَالٍ، فَأُخْرِقَ عَلَيْهِمْ بُيُونَكُمْ

Bermaksud :“Demi yang diriku di dalam kekuasaan-Nya, sesungguhnya aku bercita-cita untuk menyuruh dibawakan kayu api lalu dinyałakan. Kemudian aku menyuruh didirikan sembahyang. Lalu dilauangkan azan, kemudian aku menyuruh seorang, lalu dia menjadi imam kepada orang ramai, kemudian aku pergi bersama-sama. Beberapa orang lelaki dan aku membakar rumah mereka (yang tidak hadir berjemaah). Demi yang diriku di dalam kekuasaan-Nya, jika seseorang dari mereka mengetahui bahawa dia akan dapat sesuatu yang baik nescaya dia akan menghadiri sembahyang isyak berjemaah”. [Al-Bukhari, 2001]

Bagi matan hadith di atas, Sayyid Sabiq (2012) hanya menyebut *muttafaqun 'alaīh* tanpa menjelaskan perawi dalam kalangan sahabat dan ia bermaksud diriwayatkan oleh al-Bukhāri dan Muslim.

b) Menjelaskan sumber hadith dan status sanad hadith.

Kajian mendapati Sayyid Sabiq menjelaskan sumber bagi beberapa hadith dan juga muhaddith yang meriwayatkannya. Sebagai contoh pada permasalahan yang menyatakan bahawa muntah, air kencing dan kotoran manusia itu adalah najis, beliau membawa sebuah hadith iaitu seperti berikut:

قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ بَوْلُ الْعُلَامِ يُنْضَحُ عَلَيْهِ وَبَوْلُ الْجَلَارِيَّةِ يُعْسَلُ

Rasulullah SAW bersabda : “Air kencing bayi lelaki cukup dipercikkan air ke atasnya, manakala air kencing bayi perempuan hendaklah dibasuh”. [Ahmad bin Hanbal, 1999]

Bagi hadith di atas, Sayyid Sabiq menyatakan bahawa ia diriwayatkan oleh Ahmad bin Hanbal dalam *Musnadnya* dan juga turut diriwayatkan oleh *ashâb al-Sunan* yang lain kecuali al-Nasâ'i. Beliau turut membawakan pandangan Ibn Hajar yang mengatakan dalam *Fath al Bari* bahawa sanadnya adalah sahih (Sayyid Sabiq, 2012).

Contoh lain juga dapat dilihat dalam bab berdoa selepas wuduk (Sayyid Sabiq, 2012) iaitu seperti berikut:

عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ تَوَضَّأَ فَقَالَ سَبَحَنَكَ اللَّهُمَّ وَحْمَدَكَ اشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ اسْتَغْفِرُكَ  
وَأَتُوبُ إِلَيْكَ كَتَبَ فِي رُقْ ثُمَّ طَبَعَ بِطَابُعٍ فَلَمْ يَكُسِرْ إِلَى يَوْمِ الْقِيَامَةِ

Rasulullah SAW bersabda: “sesiapa berwuduk lalu membaca: Maha Suci Engkau ya Allah dan dengan memujimu. Aku bersaksi bahawa tiada tuhan selain Engkau. Aku memohon keampunanmu dan kepadamu. Maka amalnya ditulis dalam sebuah kepingan perak, kemudian dimasukkan ke dalam sebuah penyimpanan yang tidak akan pecah selama-lamanya hingga hari kiamat”.[Al-Nasa'i, 1991]

Sayyid Sabiq menjelaskan hadith di atas diriwayatkan oleh al-Tabarâni dalam kitab *al-Awsât* dengan susunan lafaz daripadanya dan para perawi hadith merupakan para periwayat hadith sahih (Sayyid Sabiq, 2012). Dapat diperhatikan bahawa beliau bukan sahaja menjelaskan sumber hadith malah membawakan pandangan ulama hadith yang memberikan penilaian terhadap sanad hadith.

b) Memberikan komentar terhadap perawi hadith.

Ketika membawakan hadith, Sayyid Sabiq didapati turut memberikan komentar terhadap perawi-perawi hadith ketika membawakan satu matan hadith dalam bab yang sama lalu diberikan penilaian sebagai “*sanadnya muqtarib dan sebilangan besar perawinya bukan perawi yang sahih*” (Sayyid Sabiq, 2012). Namun terdapat juga beberapa keadaan yang menunjukkan beliau tidak memberikan sebarang penilaian dan komentar apabila menukilkan beberapa matan hadith. Hal ini terjadi dalam bab sunat-sunat berwuduk seperti berikut (Sayyid Sabiq, 2012):

قُلْتُ يَا رَسُولَ اللَّهِ الرَّجُلُ يَذْهَبُ فَوْهُ أَيْسَتَأْكُ قَالَ نَعَمْ قُلْتَ كَيْفَ يَصْنَعُ قَالَ يَدْخُلُ إِصْبَعَهُ فِيهِ

Saya bertanya : “Ya Rasulullah SAW, sesorang yang sudah tidak bergigi masih dituntut untuk bersugi?” Rasulullah SAW menjawab: “Hendaklah dia memasukkan jarinya ke dalam mulut dan kemudian menggosoknya” [Al-Tabarâni, 1994].

Hadith di atas tidak disebut statusnya oleh Sayyid Sabiq dan ia dijadikan sebagai satu hujah yang menunjukkan bahawa sunat bagi seseorang yang tidak mempunyai gigi lalu menggosokkan jari pada gusinya (Sayyid Sabiq, 2012). Bagi hadith ini, al-Albâni menyatakan bahawa ia adalah hadith yang daif kerana terdapat ‘Isa bin ‘Abdullah al-Andinâri dan Ibn Hibbân menilai perawi ini sebagai munkar (Al-Albâni, 1979). Ini merupakan pendekatan Sayyid Sabiq dalam membawakan hadith tersebut tanpa dijelaskan statusnya.

## SUMBER RUJUKAN *FIQH AL-SUNNAH*

Sayyid Sabiq merujuk beberapa kitab tafsir yang muktabar untuk dijadikan tafsiran dalam sesuatu makna. Antara kitab rujukan tafsirnya adalah *Tafsir al-Quran al-'Azīm* oleh Ibn Kathīr gusinya (Al-Albāni, 1979). Selain itu, beliau juga merujuk kepada kitab tafsir *Tafsir al-Manīr* karangan Rasyid Reda gusinya (Nasīr al-Dīn al-Albāni, 1979). Begitu juga beliau menggunakan rujukan *Tafsir al-Jāmi' li-Ahkām* ataupun *al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an* oleh Qurtūbi (Sayyid Sabiq, 2012) dan rujukan terakhir iaitu daripada kitab *Tafsir al-Dūr al-Mansūr* oleh al-Suyūti (Sayyid Sabiq, 2012). Ini menunjukkan bahawa Sayyid Sabiq menggabungkan antara tafsiran ulama-ulama terdahulu dan ulama kontemporari.

Rujukan kedua bagi kitab *Fiqh al-Sunnah* adalah kitab-kitab hadith. Antara kitab rujukan dalam mensyarahkan hadith dalam *Fiqh al-Sunnah* adalah kitab *Bulūgh al-Marām* karya Ibn Hajar al-'Asqalāni. Ia adalah kitab khusus dalam bidang hadith-hadith hukum dan terdapat beberapa kitab syarah bagi kitab tersebut antara karya *Subūl al-Salām* karangan al-Šanā'i yang turut dirujuk oleh Sayyid Sabiq dalam beberapa bab (Sayyid Sabiq, 2012). Seterusnya rujukan kitab *Nayl al-Autār* karangan al-Syaukāni (Sayyid Sabiq, 2012) yang sebenarnya merupakan syarah bagi kitab *Muntaqa al-Akhbar* oleh Ibn Taymiyah dan ia adalah salah satu kitab yang membincangkan hadith-hadith hukum. Karya *Fath al-Bārī* yang dikarang oleh Ibn Hajar al-'Asqalāni dalam memperjelaskan tentang hadith yang terdapat dalam *Sahīh al-Bukhārī* juga turut dirujuk dalam beberapa keadaan (Sayyid Sabiq, 2012).

Selain itu, rujukan dalam bidang fiqh diambil daripada kitab *al-Mughni wa Syarah al-Kabīr* oleh al-Kharqi. Kitab ini merupakan pandangan dalam mazhab Ahmad bin Hanbal. Karya ini juga telah diringkaskan oleh Ibn Qudāmah al-Maqdisī dan beliau membawakan pendekatan perbandingan dalil antara mazhab-mazhab yang lain. Beliau juga merujuk kitab *al-Fatāwa* oleh Ibn Taymiyah dalam beberapa bab khususnya tentang perbahasan tentang hukum fiqh (Sayyid Sabiq, 2012).

Dalam bidang sirah, Sayyid Sabiq merujuk kitab yang terkenal dalam kalangan pengkaji ilmu iaitu kitab *Zad al-Ma'ād* oleh Ibn Qayyim al-Jauziyah. Kitab ini menerangkan tentang perbuatan, percakapan dan *taqrīr* Rasulullah SAW yang disertai dengan dalil dan hujah.

Justeru, penghasilan karya ini khususnya dalam pemilihan rujukan dari pelbagai bidang untuk dijadikan sebagai sandaran dan hujah menjadikannya sebagai karya yang mempunyai kedudukan yang tersendiri.

## KESIMPULAN

Sayyid Sabiq merupakan seorang tokoh gerakan dakwah yang tersohor. Kemasyhuran yang diraih oleh Sayyid Sabiq adalah disebabkan oleh sumbangan yang signifikan dalam menghasilkan penulisan khususnya karya *Fiqh al-Sunnah*. Penghasilan karya tersebut menunjukkan kewibawaan ilmu yang dimiliki olehnya khususnya dalam bidang hadith dan fiqh sekaligus menunjukkan bahawa karyanya mempunyai nilai ilmiah yang tersendiri selain memperlihatkan bahawa ketokohnya diiktiraf walaupun mendapat kritikan. Pendek kata, kritikan yang dilontarkan terhadap dirinya tidak dapat menjaskan kredibilitinya sebagai ilmuan berwibawa.

Selain itu, manhaj penghasilan karya *Fiqh al-Sunnah* boleh dilihat dari sudut kaedah penghujahan seperti menggunakan ayat al-Quran, mendatangkan hadith-hadith Nabi SAW dan membawakan pendapat-pendapat ulama yang muktabar secara perbandingan. Dari sudut penulisan hadith dalam *Fiqh al-Sunnah* pula, Sayyid Sabiq didapati mempunyai manhaj tersendiri dalam menghasilkan karya fiqh yang berasaskan dalil khususnya hadith yang dijadikan sebagai rujukan kedua terpenting selepas al-Quran. Penulisan hadith dalam *Fiqh al-Sunnah* didapati melibatkan beberapa kaedah iaitu antaranya adalah memendekkan sanad hadith, menjelaskan sumber hadith dan status kebanyakannya sanad hadith serta memberikan komentar terhadap perawi hadith tertentu. Kaedah-kaedah tersebut memperlihatkan keprihatinannya terhadap Sunnah yang diangkat sebagai sumber rujukan penting dalam penetapan hukum syarak selepas al-Quran.

## RUJUKAN

- Abdul Azis Dahlan. (2006). *Ensiklopedia Hukum Islam*. Jakarta: Ichtiar Baru van Hoeve.
- Abdul Rahim Ali. (2021). *Sayyid Sabiq Mufti al-Dam*, (Atas Talian), (Akses Pada 11 September). Kutipan daripada: <https://www.islamist-movements.com/26261>
- Abu Hanifah Haris. (2014). Kaherah Sebagai Pusat Percetakan Karya Melayu-Islam. 1880-an Hingga 1960-an, *Jurnal Tamadun*. 1, 16-31.
- Al-Albāni, Muhammad Nasir al-Din. (1979). *Irwa' al-Ghalil*. Lubnan: Maktabah Islami.
- Al-Bannā, Hasan. (1949). *Muzakkirat al-Dakwah wa al-Adda īyah*. Kaherah: Maktabah al-Afaq.
- Al-Bukhāri. Muhammad bin Isma'il. (2001). *Sahīh al-Bukhāri*. Beirut: Dar Tawq al-Najah.
- Al-Nasā'i, Ahmad bin Shu'aib bin 'Ali. (1991), *Sunan al-Nasā'i*. Beirut: Dar Kutub 'Ilmiyah.
- Al-Ṭabarī, Abu Jafar Muhammad bin Jarir. (2014). *Tafsir al-Ṭabarī*. Beirut: Mu'assasah al-Risalah.
- Agus Hakim. (1984). *Riwayat Hidup Hasan al-Bannā*. Kota Bharu: Pustaka Aman Press.
- Akmal Abdul Unir. (2020). *Hikmat al-Tasyri' Hukum Perkahwinan Menurut Sayyid Sabiq dalam Kitab Fiqh al-Sunnah*. Tesis Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim Riau. Kutipan daripada: <https://repository.uin-suska.ac.id/31653/>
- 'Aqil, Abdullah. (2009), *Min 'Alāmi al-Da'wah wa al-Harakah al-Islāmiyyah al-Mu'assarah*. Kaherah: Dar al-Basyīr.
- Bam Bang Supradi. (2021). Potret Sistem Pendidikan Islam di Mesir. *Jurnal Tazkiya*. x (2), 57-67.
- Bayyuni, Zakariyya Sulaiman (1991). *Ikhwān al-Muslimīn wa Jamā'ah Islāmiah fī Hayāti al-Siyāsah al-Misriyah 1928-1948*. Kaherah: Maktabah Wahhab li al-Taba' wa al-Nashr.
- Dwi Febriani. (2011). *Konsep Gadai dan Pemanfaatan Barang Gadai Menurut Sayyid Sabiq*. Tesis Sarjana. Riau: Universiti Islam Sultan Syarif Kasim.
- Erman Ghani. (2013). Manhaj Fatwa oleh Syeikh Mahmud Syaltut dalam Kitab al-Fatawa. *Jurnal Syariah dan Ilmu Hukum*. xiii (1), 1-15.
- Hanbal, Ahmad bin Muhammad al-Shaibani. (1999). *Musnad Ahmad*. Beirut : Mu'assasah al-Risalah.
- Haryono S Yusuf. (1981). *Unsur-unsur Kekuatan dalam Islam*. Jakarta: Pustaka Intermasa.
- Idri Shaffa. Konsepsi Jihad dalam Konteks Kehidupan Modern: Pemikiran Sayyid Sabiq dan Abu Bakar Jabir al-Jazairi, *Jurnal Wacana Hukum Islam dan Kemanusian*. Kutipan daripada <https://ijtihad.iainsalatiga.ac.id/index.php/ijtihad/article/view/21/pdf>
- Ikhwān al-Muslimīn. (2021). *Syeikh Sayyid Sabiq Faqih Mujāhid*, (Atas Talian), (Akses Pada 11 September). Kutipan daripada: <https://www.ikhwanonline.com/article/238748>
- Johari al-Yamani. (2009). *Terjemahan Fiqh al-Sunnah*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publications.
- Juliana. (2021). *Analisis Pendapat Sayyid Sabiq tentang Ghada' Puasa Bagi Wanita Hamil dan Menyusu*. Tesis Sarjana. Riau: Universiti Islam Negeri Sultan Syarif Kasim.
- Khafidz Akram. (2010). *Analisis Pendapat Sayyid Sabiq Berkaitan Khulu'*. Semarang: IAIN Walisongo Semarang.
- Malā'ikah, Muṣṭafā (1999). *Fi Usul al-Da'wah Muqtabasatin min Kutub al-Duktur Yusuf al-Qaradāwi*. Kaherah: Maktabah Wahbah.
- Muhammad Badrun & Mustaffa Abdullah. (2017). The Property in Islam (Imam Muhammad Abu Zahrah's Perspective). *Jurnal Ekonomi Islam*, Faculty of Ushuluddin University of Darul Salam Gontor. 8 (1). 59-76.
- Muhammad Nur Husen. (2018). *Kafā'ah dalam Perspektif Sunnah dan Syiah( Studi Perbandingan Fiqh al-Sunnah Karya Sayyid Sabiq dan Karya Wasil al-Syiah Karya Muhammad Bin Hassan al-Hur al-Amī'li dengan Metode Istidlāl)*. Tesis Sarjana. Malang: Universiti Islam Negeri Maulana Ibrahim.

- Sabiq, Sabiq. (1988). *Khalish al-Syariah al-Islāmiyah wa Mumayyizatuhā*. Kaherah: al-Fath li al-‘Ilm al-‘Arabī.
- Sulaiman Ahmad Yahya. (2009). *Ringkasan Fiqh al-Sunnah Sayyid Sabiq*. Jakarta Timur: Pustaka al-Kauthar.
- Rachmat Shafe'i. (2007). *Ilmu Usul Fiqih*. Bandung: Pustaka Setia.
- Umma Farida. (2011). *Al-Kutub al-Sittah: Karakteristik, Metode dan Sistemika Penulisannya*. Yogyakarta: Idea Press.
- Zulfikar. (2013). *Kontribusi Kitab Fikih Sunnah Sayyid Sabiq dalam Dinamika Hukum Islam*. Aceh: Penna.